

Andaman sasar jualan RM1 bilion

Kuala Lumpur: Andaman Property Management Sdn Bhd (Andaman), pemaju perumahan berkonsepkan sewa beli menyasarkan jualan keseluruhan RM1 bilion bagi projeknya tahun ini dengan 12 peratus daripadanya disumbang projek pembangunan Diamond Residence di Serdang.

Diamond Residence ialah projek pembangunan bercampur terdiri daripada unit kediaman kondominium dan kedai dengan nilai pembangunan kasar (gdv) mencecah RM230 juta dijangka siap sepenuhnya menjelang 2015.

Ketua Jualan dan Pemasarannya Datuk Vincent Tiew berkata, syarikatnya akan melancarkan Diamond Residence pada 7 Mac ini yang mana terdapat 228 unit kediaman dan 69 unit daripadanya dijual kepada Bumiputera dengan ikatan perjanjian jual sewa kepada pembeli.

Beliau berkata, projek kediaman 15 tingkat dan dua blok itu tawaran pelaburan bernilai kepada orang ramai



VINCENT menunjukkan projek pembangunan Diamond Residence.

kerana dijual pada harga bawah pasaran dan disewa pihaknya selama 10 tahun dengan nilai pulangan pelaburan minimum lapan peratus setahun.

"Untuk projek ini, kami mempunyai penyewa tetap dari Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menjadikan rumah pelabur sebagai asrama pelajar dengan ikatan perjanjian selama 10 tahun.

"Ini pelaburan yang bijak ditawarkan kami kepada orang ramai kerana harga dijual termasuk perabot sepe-

nuhnya, kos penyelenggaraan ditanggung syarikat setiap tahun dan pulangan pelaburan mendapat menampung nilai pembiayaan serta mendapat keuntungan sewaan setiap bulan," katanya.

Andaman menawarkan kediaman berkenaan bermula RM381,000 hingga RM782,500 seunit dan pembeli Bumiputera ditawarkan diskaun sehingga 12.5 peratus. Syarikat itu turut menawarkan deposit pembelian 2.5 peratus yang juga boleh dibayar menerusi kad kredit.